

**DALAM MAHKAMAH SESYEN KHAS RASUAH DI KOTA KINABALU
DALAM NEGERI SABAH**

**KES JENAYAH NO. BKI-61R-10/12-2016 HINGGA BKI-61R-14/12-2016 &
BKI-62R-16/12-2016 HINGGA BKI-62R-24/12-2016**

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

LAWAN

- 1. AG MOHD TAHIR BIN MOHD TALIB**
- 2. FAUZIAH BINTI AG PIUT**
- 3. LIM LAM BENG @ LIM CHEE HONG**

ALASAN PENGHAKIMAN

A. PENDAHULUAN

DPP : Today is fixed for ruling at the end of the Defence Case. All accused present. DPP Mahadi Jumaat, DPP Haresh & DPP Zander appear for the Prosecution and Datuk Haji Ansari counsel for the 1st & 2nd Accused & Datuk Tan Hock Chuan & Mr Baldev Singh counsel for the 3rd accused also present.

Court: Ini adalah keputusan Mahkamah di akhir kes

Pembelaan.

OKT 1 (Ag Mohd Tahir bin Mohd Talib) dalam kes ini telah dituduh di Mahkamah ini dengan 12 pertuduhan secara keseluruhannya, iaitu satu pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan 11 lagi pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta yang sama manakala **OKT2 (Fauziah binti Piut), iaitu isteri kepada OKT1** telah dituduh dengan 19 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001. Kedua-dua tertuduh juga telah dituduh secara bersama-sama untuk 2 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan iaitu dengan niat bersama (*with common intention*).

Manakala **OKT3 (Lim Lam Beng @ Lim Chee Hong)** pula telah dituduh di Mahkamah ini dengan 4 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001, **Pertuduhan Pertama** ialah telah memiliki sebuah kenderaan Toyota Landcruiser no pendaftaran SAA929G, **Pertuduhan Kedua** memiliki wang tunai berjumlah RM200,000.00, **Pertuduhan Ketiga** memiliki wang tunai berjumlah RM1,900,000.00 dan **Pertuduhan Keempat** memiliki wang tunai berjumlah RM280,000.00 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Semasa perbicaraan di peringkat kes pihak Pendakwaan, pihak Pendakwaan telah memanggil seramai 46 orang saksi termasuk 2 orang Pegawai Penyiasat kes dari SPRM untuk membuktikan kesnya dan telah mengemukakan sebanyak 1378 ekshibit (P1-P1378) dalam bentuk dokumen seperti perakuan jawatan, laporan Aduan SPRM, notis tangkapan, wang-wang tunai berjumlah RM45,549,586.00, senarai pelbagai matawang asing yang disita, jam-jam mewah, bag-bag tangan berjenama, senarai sitaan 6 buah kereta yang disita, salinan senarai penyitaan harta alih dan gambar-gambar ekshibit-ekshibit yang dirampas berkaitan kes ini. Manakala pihak Pembelan pula telah mengemukakan sebanyak 106 Defence exhibits iaitu D1-IDD-106.

[3] Terdahulu, sebelum ini di akhir kes Pendakwaan, Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak Pendakwaan **telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap ketiga-tiga OKT bagi kesemua pertuduhan yang dihadapi oleh mereka sepertimana yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan, iaitu satu pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan 11 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta yang sama bagi OKT1 manakala OKT2 (Fauziah binti Piut), iaitu isteri kepada OKT1 telah dituduh dengan 19 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b)**

AMLATFPUAA 2001.

Manakala 4 pertuduhan terhadap **OKT3 (Lim Lam Beng @ Lim Chee Hong)** di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001.

[4] Semasa kes Pembelaan, OKT1 telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah (*sworn statement*) dari kandang saksi. OKT1 juga telah memanggil 15 orang saksi lain bagi menyokong versi pembelaannya antaranya ialah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Datuk Seri Raymond Tan, Datuk Felik Madan, Datuk Peter Thien, Datuk Teo Chit Ming dan beberapa orang lagi saksi berprofil tinggi sebagai saksi-saksi bagi pihak pembelaan OKT1 dan juga memanggil semula (*recalling*) 3 orang saksi Pendakwaan yang telah memberi keterangan semasa kes Pendakwaan sebelum ini iaitu PW35 Micheal Wong, PW40 Tuan Hishammuddin Mohammed Esa iaitu Ketua Pegawai serbuan dan PW44 Puan Ekasuziena binti Mohd Shafri, Pegawai Penyiasat kes.

OKT2 pula hanya memberikan keterangan secara tidak bersumpah (*unsworn statement*) dan tidak memanggil mana-mana saksi. Selebihnya OKT2 hanya bergantung kepada keterangan dari saksi-saksi yang dipanggil oleh OKT1.

Bagi OKT3 pula, beliau telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah (*sworn statement*) dari kandang saksi sebagai DW3. Hanya OKT3 seorang sahaja saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan membela dirinya dan tiada saksi lain dipanggil oleh pihak OKT3.

DUTY OF COURT AT THE END OF THE DEFENCE CASE

Under section 173(m)(i) of the CPC;

i) "At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt;

ii) If the courts finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to the law. But, if the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal".

Ini bermaksud, di akhir kes Pembelaan, pihak Pendakwaan perlu membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah manakala **burden** pihak pembelaan pula hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah (*to cast a reasonable doubt to the prosecution case*).

Berdasarkan pertuduhan yang dihadapi oleh ketiga-tiga OKT dalam

kes ini iaitu kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) **AMLATFPUAA 2001**, terdapat **2 elemen penting yang perlu dibuktikan oleh pihak Pendakwaan iaitu:**

***firstly**, whether the money in question is proceeds of unlawful activity in which the standard of proof is on the balance of probabilities; and*

secondly**, for the offence of money laundering under section 4(1) of AMLATFPUAA, the standard of proof is still beyond reasonable doubt. Meaning to say, there are two ingredients to be proved by the prosecution with two standards of proof to be establish ie. **The standard of proof to establish the proceeds of unlawful activity is on the balance of probabilities but to prove an offence under AMLATFPUAA including offence of money laundering under section 4(1) and in light of section 70(2) of the same Act, the standard of proof is still beyond reasonable doubt.

*This as what was decided by the famous COA case of **Mohd Ismail bin Syed Merah's case (2022) 5 CLJ 218**. It was decided that the prosecution must establish on the balance of probabilities that the proceeds as stated are derived from an unlawful activity.*

Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, **the gravamen** of all charges against all the accused was the using of the proceeds of unlawful activity and the possession of the proceeds of unlawful activity especially by the 1st accused which constituted offence of

money laundering under section 4(1)(a) & 4(1)(b) of the AMLATFPUAA 2001. The prosecution's main witness to prove the proceeds of unlawful activity received by the accused were prosecution star witness PW29 Teo Chee Kong and supported by few other witnesses such as PW36 Suhaimi Asbullah and PW33 Tam Yin Foon.

Berikut adalah penemuan fakta oleh saya selaku Hakim bicara di akhir kes Pendakwaan:

Berdasarkan keterangan dari saksi-saksi penting iaitu PW40 Tuan Hishammuddin Mohammed Esa iaitu Ketua Pegawai Serbuan, PW44 Puan Ekasuziena binti Mohd Shafri dan saksi utama pihak Pendakwaan (star witness PW29) Teo Chee Kong dan juga keterangan-keterangan sokongan dari PW1, PW2, PW3, PW4, PW6, PW8, PW11, PW33, PW36, PW42, PW43, PW45 & saksi yang terakhir PW46 iaitu Pegawai Penyiasat kes bagi OKT1.

Di akhir kes Pendakwaan, Mahkamah berpuas-hati bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu prima facie kes terhadap bagi kesemua pertuduhan-pertuduhan yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Dalam kes ini, di dalam serbuan yang dijalankan, pasukan penggeledahan SPRM yang diketuai oleh PW40 iaitu Tuan Hishammuddin bin Mohd Esa, pihak SPRM telah menemukan dan

merampas pelbagai harta alih seperti wang tunai, kenderaan kereta, barang-barang perhiasan seperti jam berjenama, barang-barang kemas (emas & bukan emas) dan pelbagai jenama bag tangan mewah. Wang-wang tunai dan barangan-barang berharga dan barang kemas ini ditemui di pejabat OKT1, di dalam bilik tidur utama rumah dan juga di dalam 2 buah kereta milik OKT1.

Berdasarkan keterangan saksi-saksi Pendakwaan, wang tunai sebanyak RM23,695,050.00 telah dijumpai dan dirampas di pejabat OKT 1 di Wisma MUIS, RM8,565,071.00 ditemukakan di dalam rumah OKT1 & OKT2, RM9,194,765,00 ditemui dan dirampas di dalam kereta Mazda 6 SAA66R, wang tunai sebanyak RM4,130,400.00 turut dijumpai di dalam kereta Mercedes Benz C300 No. SD66J. Jumlah keseluruhan wang tunai yang ditemui dan dirampas adalah sebanyak RM45,549,586.00. Selain itu, terdapat pelbagai mata wang asing yang turut ditemui dan disita daripada OKT1 & OKT2 termasuklah matawang USD, Pound Sterling, Euro, UAE Dirham, Thai Bath, Yuan China, HKD, Yen Japan, Dong, Won, Riyal Saudi, SGD dan Indonesia Rupiah.

Sepanjang perbincaran kes ini, berdasarkan keterangan dari saksi-saksi pihak Pendakwaan dan penemuan wang-wang tunai yang begitu banyak di beberapa tempat tersebut, Mahkamah berpuas-hati bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa OKT1 telah menggunakan kedudukannya sebagai Pengarah di JANS dan telah terlibat dalam aktiviti haram iaitu aktiviti rasuah melalui skim '*centralize collection*' yang bermula sejak tahun 2005

hingga tahun 2016.

FINDING OF FACTS AND RULING AT THE END OF THE DEFENCE CASE

Berikut adalah penemuan fakta oleh saya selaku Hakim bicara di akhir kes Pembelaan:

- i) Berdasarkan keterangan dari saksi-saksi pihak Pendakwaan, Mahkamah berpendapat bahawa OKT1 telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan di dalam pembelaannya khususnya membabitkan elemen-elemen penting pertuduhan iaitu:
 - a) Berdasarkan fakta dan keterangan, tidak dipertikaikan bahawa sejumlah wang yang besar telah dijumpai di pejabat, rumah dan kereta OKT1.
 - b) Dalam keterangan membela dirinya, OKT1 juga telah gagal mengemukakan sebarang keterangan di Mahkamah ini bahawa wang-wang tunai tersebut, wang-wang di dalam akaun-akaun bank, barang-barang kemas dan jam-jam serta beg-beg berjenama mewah yang dijumpai yang berada dalam kawalan OKT1 (*in the possession of the 1st accused*) adalah wang-wang dari sumber yang sah;
 - c) Walaupun OKT dalam versi pembelaannya menyatakan bahawa kesemua wang-wang yang dinyatakan dalam pertuduhan

tersebut yang bernilai lebih dari RM50 juta bukanlah wang rasuah tetapi adalah hasil komisen dan keuntungan dari perniagaan yang dijalankan antara OKT1 bersama dengan SP35, DW10 Datuk Teo Chit Ming @ Micheal Teo, DW11 Mohd Haris bin Md Tahir dan DW12 adiknya Awang Mohd Fauzi, tetapi OKT1 telah gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen sokongan untuk menyokong versi pembelaannya. OKT1 dan saksi-saksi yang dipanggil oleh OKT1 iaitu DW11 dan DW12 gagal menjelaskan berkenaan perincian projek, jumlah bilangan projek yang dijalankan, sumber kewangan, keuntungan perniagaan dan penyata akaun-akaun bagi perniagaan tersebut. OKT1 gagal untuk menunjukkan sebarang dokumen bagi menyokong dan membuktikan bahawa 'perniagaan' yang dijalankan tersebut benar-benar wujud dan benar-benar berlaku;

- d) Berkaitan isu ini, Mahkamah berpendapat, memandangkan ***the evidence is too overwhelming and yet the 1st accused failed to explain with a reasonable explanation where all the monies comes from and its source;***
- e) Mahkamah berpendapat, di dalam keterangan membela dirinya, OKT1 juga telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwaan di dalam pembelaannya;

Oleh yang demikian, atas penilaian maksima (***on maximum evaluation***), berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan, Mahkamah berpuashati

bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap OKT1 melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*).

Seterusnya, berdasarkan keterangan saksi-saksi dan penemuan fakta di akhir kes Pendakwaan dan Pembelaan, Mahkamah berpendapat bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan semua elemen-elemen penting pertuduhan di bawah seksyen 4 AMLATFPUA manakala pihak pembelaan iaitu OKT1 telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di dalam pembelaannya.

OKT1 sebagai Pengarah JANS mempunyai kuasa dan telah menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya untuk melakukan suatu kesalahan prediket di bawah seksyen 23 ASPRM walaupun kesalahan prediket tersebut tidak dituduh secara langsung di Mahkamah ini.

Akhir sekali, sepanjang kes pembelaan, keterangan OKT1 dan keterangan saksi-saksi yang dipanggil oleh OKT1, tidak dapat melemahkan atau menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwaan di dalam pembelaannya. Mahkamah berpendapat OKT1 dalam pembelaannya telah gagal memberikan penjelasan yang munasabah (***reasonable explanation***) dari mana wang-wang dan harta-harta yang ditemui dan disita tersebut iaitu di dalam pejabat, di dalam rumah dan di dalam kereta tersebut diperolehi. Keterangan yang diberikan oleh

OKT1 juga tidak disokong oleh apa-apa keterangan sokongan dalam bentuk dokumen atau pun bank statement.

Oleh itu, Mahkamah berpendapat alasan atau penjelasan yang diberikan oleh OKT ketika kes pembelaan ini pada pendapat Mahkamah hanyalah perkara yang timbul selepas kejadian ini berlaku iaitu selepas pihak SPRM membuat serbuan dan penggeledahan terhadap pejabat, rumah-rumah dan juga kereta-kereta milik OKT yang mana pada pendapat Mahkamah ia adalah perkara yang baru difikirkan '**afterthought**' di mana jelas ianya tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah seterusnya menolak atau menyangkal keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pihak Pendakwaan ketika kes pihak Pendakwaan sebelum ini.

Dalam hal ini mahkamah merujuk kepada kes **PP vs. Ling Tee Huah** di mana ada dinyatakan;

“a mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution’s evidence is not sufficient”.

Likewise, **in the case of PP vs. Ku Lip See (1981)1 MLJ 258;**

“...the defence in its endeavour to create a reasonable doubt in the mind of the learned President offered an outright denial and nothing more”.

1. Justeru, berdasarkan kepada pertimbangan maksima keseluruhan keterangan di peringkat pendakwaan dan juga pembelaan, mahkamah mendapati bahawa OKT1 telah gagal

menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di dalam pembelaannya.

Mahkamah berpuas hati bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap OKT1 bagi kesemua 12 pertuduhan terhadap OKT1 iaitu satu pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan 11 lagi pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta yang sama yang dikenakan terhadap OKT1 **kecuali bagi 2 pertuduhan bersama yang dituduh dengan niat bersama OKT2 (*with common intention*) dibaca Bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.**

Dalam masa yang sama, Mahkamah juga berpendapat bahawa OKT1 telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwaan di dalam pembelaannya.

Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa OKT1 didapati bersalah dan disabitkan atas kesemua 12 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya secara bersendirian di bawah Seksyen 4(1)(a) AMLATPUAA 2001 iaitu satu pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan 11 lagi pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta yang sama.

Seterusnya bagi OKT2 pula yang merupakan isteri kepada OKT1, berikut ialah penemuan (*finding*) Mahkamah ini terhadap OKT2.

Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan dan setelah Mahkamah membuat penilaian maksimum (***on maximum evaluation***), Mahkamah mendapati OKT2, bukanlah seorang individu yang mempunyai kepentingan dan mempunyai kuasa untuk mengarahkan dan/atau menganugerahkan projek berkaitan Jabatan Air di Negeri Sabah.

OKT2 hanyalah isteri kepada OKT1 dan ianya tidak boleh dijadikan asas untuk mendakwa OKT2 sebagai rakan sejenayah. Tugas Pendakwaan di sini bukan sekadar untuk membuktikan bahawa OKT2 telah secara bersesama melakukan jenayah bersama OKT1 malahan perlu membuktikan bahawa OKT2 mempunyai pengetahuan (*knowledge*), niat (*mens rea*) dan perbuatan (*actus reus*) untuk melakukan satu kesalahan serius sepertimana kehendak di bawah seksyen 4 AMLATFPUA 2001.

Meskipun OKT2 hanya meberikan keterangan secara tidak bersumpah (***unsworn statement***) dari kandang tertuduh tanpa peluang untuk disoal-balas oleh pihak Pembelaan, saya berpendapat Mahkamah ini tidak terhad untuk membuat penilaian semata-mata atas keterangan OKT2 sahaja.

Dalam Mahkamah membuat penilaian maksimum di akhir kes Pembelaan, Mahkamah telah mengambil kira kesemua

keterangan samada keterangan dari saksi-saksi Pendakwaan sebelum ini dan juga saksi-saksi Pembelaan dalam mencapai keputusan terhadap OKT2.

Mahkamah berpendapat hanya dengan mendakwa OKT2 memiliki dalam simpanannya harta-harta sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan adalah tidak mencukupi untuk membuktikan intipati kesalahan terhadap OKT2 di bawah Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUA 2001.

Akhir sekali, berbanding OKT1 yang mempunyai ***predicate offence*** iaitu kesalahan di bawah seksyen 23 ASPRM 2009 iaitu salahguna kuasa, tetapi bagi OKT2 tiada apa-apa kesalahan prediket yang boleh dikaitkan dengan OKT2. Tiada apa-apa juga keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan berkaitan apa-apa kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh OKT2.

Justeru, berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah berpendapat adalah tidak selamat (***unsafe for conviction***) untuk Mahkamah ini membuat dapatan salah (***finding of guilt***) terhadap OKT2 bagi pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLA.

[6] Seterusnya, bagi dua pertuduhan bersama (***jointly charged***) OKT 1 dan OKT2 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksan, berdasarkan penilaian terhadap keseluruhan keterangan yang

dikemukakan semasa kes pihak Pendakwaan dan juga Pembelaan, Mahkamah ini mendapati bahawa pihak Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan di dalam pembelaannya. Ini kerana, setelah diteliti semula keseluruhan keterangan di Mahkamah (***on maximum evaluation***), Mahkamah berpendapat bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan elemen niat bersama (*common intention*) antara OKT1 bersama-sama OKT2 bagi kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA.

[7] Adalah menjadi prinsip undang-undang jenayah yang mantap bahawa apabila seseorang itu dituduh secara bersama-sama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan, maka adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai niat bersama (*must have common intention and knowledge*) untuk melakukan kesalahan sepertimana yang dipertuduhkan terhadap mereka di Mahkamah. Kegagalan pihak Pendakwaan untuk membuktikan elemen dengan niat bersama (*common intention*) terhadap salah satu pihak atau kedua-duanya, maka pertuduhan terhadap kedua-dua mereka tidak boleh dipertahankan (***unsustainable***) di sisi undang-undang.

[8] Dalam kes ini, OKT2 telah dituduh di Mahkamah atas kapasiti OKT2 sebagai isteri kepada OKT1. Bagaimanapun, keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan khususnya keterangan dari semua saksi-saksi pihak Pendakwaan termasuklah saksi utama iaitu PW29 Teo Che Kong hanya menjurus kepada kesalahan rasuah dan

salah guna kuasa atau pengubahan wang haram yang dilakukan oleh OKT1 sahaja.

Tiada sebarang keterangan (***there is no iota of evidence***) dari mana-mana saksi pihak Pendakwaan semasa kes pihak Pendakwaan yang mengaitkan OKT2 atas sebarang transaksi atau pun urusan berkaitan pemberian projek, penyerahan atau penerimaan wang dari centralised collection scheme diberikan kepada OKT2.

[9] *It is a trite law, that the prosecution has to prove the essential elements in which both the accused has common intention and knowledge regarding the proceeds of unlawful activities. From the evidence adduced and testimony of prosecution's witnesses throughout the trial, **there was no iota of evidence which may implicate and impart knowledge on the 2nd accused concerning any illegal activities which is against the law or any illegal proceeds of unlawful activities involving the 2nd accused respectively.***

[10] *Furthermore, it is my considered view that in order for principles of common intention under section 34 Penal Code to be applied, the prosecution must proof two essential elements which are;*

- i) Common intention – a shared mental inclination towards executing a specific act; and*
- ii) Act in furtherance of common intention – the criminal act must be performed consciously to achieve the shared intent.*

Applying these principles, the court must also undertake to examine whether the accused had acted with a unified purpose during the commission of the offence.

[11] The concept of common intention dictates that an individual can be held responsible for offences they have not committed as the principal offender but have played some part in the commission of the offence. Nevertheless, in order to be held responsible under common intention, the prosecution must tender evidence in Court on the part played by them in the commission of the said offence. BUT in our present case, there is none on the part of both 2nd accused.

*[12] In my considered view, the trial Court must take the stand of protection against collective responsibility to ensure that any individuals are not unjustly held liable for crime they not consciously intent to participate in collectively and/or doing something in the absence of knowledge. Without the evidence of common intention, both the accused cannot be said to have played some part in the commission of the offence. **The evidence adduced by the prosecution, as it were insufficient to establish whether the 2nd accused had knowledge of the source of money in the bank's account jointly held under their name.***

[13] Therefore, having perused and considered the evidence lead by the prosecution witnesses during the prosecution case and thye evidence during the defence case, it is my considered view that the prosecution has failed to establish the role played and the participation

of the 2nd accused in the commission of the offence.

[14] Under section 4(1)(b) of AMLATFPUA 2001, the three elements that must therefore be established by the prosecution are;

Firstly, the accused had received the said money;

Secondly, the monies received are the proceeds of an unlawful activity; and

Thirdly, on the mental elements of the crime or ***mens rea*** ie. the presence of knowledge of the accused on the source of the proceeds.

[15] In other words, these element of the offence of money laundering will only be satisfied if it is proved that the accused (OKT2) either knew, or had reason to believe or had reasonable suspicion that the monies which were transferred into their joint accounts as per charges were the proceeds of an unlawful activity, or that the accused without reasonable excuse failed to take reasonable steps to ascertain whether or not the monies were proceeds of an unlawful activity.

[16] Hence as far as the 2nd accused is concerned, the third elements (mens rea) has not been proven by the prosecution. There is absolutely no evidence adduced by the prosecution that the monies and assets mentioned in all the charges against the 2nd accused are from the proceeds of an unlawful activity. The whole of prosecution evidence is relying solely on the involvement of the 1st accused in order to establish the alleged unlawful activity. However, none of the evidences adduced by the prosecution are related and made

references specifically to the 2nd accused.

Oleh yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Mahkamah berpendapat bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan pertuduhan terhadap OKT2 melampaui keraguan yang munasabah bagi kesemua 19 pertuduhan yang dipertuduhkan terhadap OKT2 dan 2 pertuduhan bersama dengan OKT1 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Oleh itu, Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa OKT2 dengan ini dilepas dan dibebaskan (***discharged and acquitted***) dari kesemua pertuduhan yang dipertuduhkan terhadapnya di Mahkamah ini.

Now we come to the 3rd accused – Lim Lam Beng

Akhir sekali, bagi OKT3 Lim Lam Beng telah dituduh di Mahkamah ini dengan 4 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001, **Pertuduhan Pertama** ialah telah memiliki sebuah kenderaan Toyota Landcruiser no pendaftaran SAA929G, **Pertuduhan Kedua** memiliki wang tunai berjumlah RM200,000.00, **Pertuduhan Ketiga** memiliki wang tunai berjumlah RM1,900,000.00 dan **Pertuduhan Keempat** memiliki wang tunai berjumlah RM280,000.00 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Sekali lagi, bagi kesemua 4 pertuduhan tersebut, the burden of proof is lies on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt

through the trial. The prosecution is required to prove all the ingredients of the 4 charges against the 3rd accused.

1. Justeru, setelah mendengar keterangan pembelaan dari OKT3 dan merujuk kembali kepada keterangan saksi-saksi Pendakwaan semasa kes Pembelaan, Mahkamah ini berpendapat bahawa pihak Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di dalam pembelaanya.
2. In contrast, not like the 1st accused, it is not disputed that the cash money stated in the 2nd, 3rd and 4th charges against the third accused were not found on his person, or in his house, in his office or vehicle. Tiada apa-apa wang atau harta atau apa-apa barang/ dokumen or anything dijumpai ke atas OKT3 semasa pihak SPRM menjalankan siasatan kes ini dan juga ketika serbuan dan penggeledahan dibuat di rumah OKT3;
3. It is also undisputed, based on the evidence and testimony of the prosecution witness khususnya keterangan dari IO kes PW45 that the third accused handed over the cash money of RM200,000.00 on 22.10.2016, RM1.9 million on 07.11.2016 and RM280,000.00 on 08.11.2016 on the instruction of MACC Officer (PW45);
4. There is credible evidence to support the testimony of the 3rd accused that he was instructed by PW45 to withdraw money

from his bank account and hand over to the MACC on three separate date ie. 22.10.2016, 07.11.2016 and 08.11.2016;

5. It is my considered view that the prosecution failed to prove beyond reasonable doubt that the cash sums of RM200,000.00, RM1.9 million and RM280,000.00 as stated in the second, third and fourth charges were proceeds of an unlawful activity;
6. In addition, the third accused defence and contention was supported by documentary evidence ie. The sell of Starhub shares in Singapore) and also supported by his oral testimony that the cash sums as stated in the 2nd, 3rd and 4th charges were not proceeds of an unlawful activity;
7. Situasi yang sama seperti OKT3, berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan tidak dipertikaikan bahawa PW33 Tam Yin Foon dan PW36 Suhaimi Asbullah bahawa mereka juga telah diarahkan oleh pihak SPRM untuk menyerahkan sejumlah wang kepada MACC tetapi mereka berdua iaitu PW33 dan PW36 ini tidak dituduh di Mahkamah atas kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUA sebaliknya hanya dijadikan saksi pihak Pdendakwaan;
8. Berdasarkan fakta ini, Mahkamah bersetuju denagn hujahan peguam OKT3 bahawa terdapatnya **double standard** dalam pendakwaan terhadap OKT3 dalam kes ini;

9. **Seterusnya, it is also my considered view that the prosecution failed to prove beyond reasonable doubt that the vehicle bearing registration No. SAA929G was also proceeds of unlawful activity as stated in the first charge against OKT3;**
10. Berdasarkan keterangan pembelaan OKT3, Mahkamah berpendapat bahawa OKT3 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwaan di dalam pembelaannya;
11. Mahkamah juga mendapati bahawa the allegation made by Teo Chee Kong that he had paid a sum of of RM29 million over to the 3rd accused was not proven and/or supported by any documents. As such, it is my considered view that the prosecution has failed to proof their case against the 3rd accused beyond reasonable doubt;
12. In addition, the third accused has been successfully rebutted the evidence of Teo Chee Kong in his defence, which then lead this Court with 2 sets of evidence;
13. Oleh itu, berdasarkan keraguan dan percanggahan yang timbul tersebut, Mahkamah berpandangan adalah tidak selamat *“unsafe for conviction”* and furthermore to convict the 3rd accused on all 4 charges receives of proceeds of an

unlawful activity. Benefit of the doubt should always be given to the accused and when there are two inferences arises from the same facts, Court should adopt the inference which is more favourable to the accused...refer case PP v. Lee Eng Kooi [1993] 2 CLJ 534;

14. *“If in a case, the prosecution witnesses lead two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes the other and show it to be unreliable, the result would necessarily be that the Court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. **Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation...**”.*

[15] Likewise, in the landmark Federal’s Court case of PP v. Mohd Radzi Abu Bakar whereby the Federal Court held that;

“If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is more favourable to the accused”.

Akhir sekali, Mahkamah merujuk kepada kes Tai Chai Keh v. PP di mana dinyatakan;

“where there is more than one inference, which can reasonably drawn from a set of facts in a criminal case, we are of the opinion that the inference most favourable to the accused should be adopted”.

Akhir sekali, dalam membuat penilaian dan keputusan terhadap OKT3, mahkamah mengguna-pakai prinsip yang diputuskan dalam kes **Gunalan Ramachandran & Ors vs. PP (2006) 1 CLJ** di mana Tun Ariffin Zakaria, Hakim Mahkamah Persekutuan ketika itu menyatakan seperti berikut,

“...at the close of the defence case, what the court needs to decide is whether the defence had succeeded to raise any reasonable doubt on the prosecution case; If the answer is in the positive, then the accused person is without more, entitled to his acquittal”.

Oleh itu, berdasarkan keterangan yang dikemukakan, dan setelah meneliti, menilai dan mempertimbangkan keterangan-keterangan yang dikemukakan tersebut, Mahkamah berpuas-hati bahawa pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap OKT1 bagi kesemua 12 pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) AMLATFPUA 2001 iaitu memiliki harta yang merupakan hasil dari aktiviti haram, dan oleh itu OKT1 didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan dan telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram.

Manakala bagi OKT2 dan OKT3, berdasarkan lasan-alasan yang dinyatakan di atas tadi, Mahkamah memutuskan bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya terhadap OKT2 dan OKT3 melam paui keraguan uang

munasabah (beyond reasonable doubt). Maka dengan ini, Mahkamah memerintahkan bahawa OKT2 dan OKT3 dilepas dan dibebaskan dari kesemua pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka berdua di bawah AMLATFPUA 2001.

- 2nd and 3rd accused Bail to be refunded.**
- 2nd and 3rd accused passport to be returned.**
- Syarat-syarat jaminan ke atas OKT1 dan OKT2 dibatalkan.**

DATED : 19TH MAY 2026

SIGNED BY:

**ABU BAKAR MANAT
SESSIONS COURT JUDGE
SPECIAL SESSIONS COURT OF CORRUPTION
KOTA KINABALU**

**For the Prosecution : DPP MAHADI JUMAAT
DPP HARESH
DPP ZANDER**

Counsel for the 1st & 2nd Accused : Datuk Haji Ansari & Ms Sharatha

Counsel for 3rd Accused : Datuk Tan Hock Chuan
Mr Baldev Sinagh